KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 28 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **CHILD PROTECTION ADVOCATES CALL FOR INTENSIFIED ONLINE CHILD SAFETY AWARENESS TO COMBAT MALAYSIA'S UNDERAGE SEXUAL ABUSE** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/27/child-protection-advocates-call-for-intensified-online-child-safety-awareness-to-combat-malaysias-underage-sexual-abuse/98518 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KOC MERAH JAMBU: MENTERI CADANG LETAK PEMBANTU DI STESEN INGATKAN LELAKI** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/27/koc-merah-jambu-menteri-cadang-letak-pembantu-di-stesen-ingatkan-lelaki/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **500 TO ATTEND STATE-LEVEL AUTISM AWARENESS CAMPAIGN** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/500-to-attend-state-level-autism-awareness-campaign/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **YAKULT ANJUR KEMPEN KESEDARAN KANSER SELASA INI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/yakult-anjur-kempen-kesedaran-kanser-ahad-ini/ | UTUSAN.COM.MY |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **NORAZLINA CEKAL JAGA SUAMI TERLANTAR, BUKA RUMAH PERLINDUNGAN OKU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/norazlina-cekal-jaga-suami-terlantar-buka-rumah-perlindungan-oku/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **TEMPOH REMAN WANITA, TEMAN LELAKI KES MAYAT BAYI DI TANDAS, DILANJUT** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169786/tempoh-reman-wanita-teman-lelaki-kes-mayat-bayi-di-tandas-dilanjut | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024095/penemuan-mayat-bayi-dalam-pam-tandas-reman-wanita-dan-teman-lelaki | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kes-mayat-bayi-dalam-pam-tandas-reman-wanita-teman-lelaki-disambung/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **75 PERATUS WANITA SIMPAN KURANG RM500 BERBANDING LELAKI - RMFLS 2023** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631672/berita/nasional/75-peratus-wanita-simpan-kurang-rm500-berbanding-lelaki---rmfls-2023 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA ISLAM BERPOTENSI MAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/10/1169732/wanita-islam-berpotensi-majukan-sektor-pelancongan | BHARIAN.COM.MY |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **USTAZ HADAPI DUA TUDUHAN AMANG SEKSUAL MURID SENDIRI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169825/ustaz-hadapi-dua-tuduhan-amang-seksual-murid-sendiri | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BUDAK 7 TAHUN MAUT, BAYI PARAH KERETA DIPANDU IBU TERBABAS DI MERAPOH** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169741/budak-7-tahun-maut-bayi-parah-kereta-dipandu-ibu-terbabas-di-merapoh | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/kanak-kanak-lelaki-maut-bayi-enam-bulan-parah-kereta-dipandu-ibu-terbabas-di-merapoh/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/kanak-kanak-maut-bayi-cedera-parah-kereta-langgar-penghadang-jalan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024071/budak-7-tahun-maut-bayi-6-bulan-parah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/10/kanak-kanak-maut-bayi-enam-bulan-parah-selepas-kereta-terbabas/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631716/berita/semasa/budak-7-tahun-maut-bayi-parah-kereta-dipandu-ibu-terbabas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **SAINTIS UKM KESAN MUTASI GEN BARU DALAM PESAKIT BAYI JAUNDIS DI MALAYSIA** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/27/saintis-ukm-kesan-mutasi-gen-baru-dalam-pesakit-bayi-jaundis-di-malaysia/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **BADAN KHAS PELAJAR GOLONGAN OKU PERLU DITUBUHKAN DI UNIMAS** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/badan-khas-pelajar-golongan-oku-perlu-ditubuhkan-di-unimas/ | UTUSAN.COM.MY |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WARGA EMAS RENTUNG DALAM KEBAKARAN** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/27/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-2/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024101/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-terbakar-mayat-warga-emas-ditemukan-rentung/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/rumah-terbakar-lelaki-warga-emas-ditemukan-rentung/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169801/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631698/berita/semasa/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-443546 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238912 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/27/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-matu | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **KELAB WANITA IKON SEDIA RUANG PERKONGSIAN MENERUSI CHIT CHAT GADIS REMAJA** | |
| | https://www.getaran.my/artikel/budaya/53431/kelab-wanita-ikon-sedia-ruang-perkongsian-menerusi-chit-chat-gadis-remaja | GETARAN.MY |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **2 PENGHUNI PUSAT JAGAAN DAKWA DICABUL, DIPUKUL PENJAGA LELAKI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169966/2-penghuni-pusat-jagaan-dakwa-dicabul-dipukul-penjaga-lelaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024291/2-penghuni-pusat-jagaan-dipukul-dicabul-penjaga-lelaki | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/27/penjaga-pusat-jagaan-dera-cuba-rogol-remaja-diberkas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/penjaga-pusat-jagaan-ditahan-cabul-dera-dua-pelajar-perempuan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amang-seksual-dan-dera-anak-yatim-dua-penjaga-pusat-jagaan-ditahan-443599 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/penjaga-sukarelawan-ditahan-dera-amang-seksual-kanak-kanak-yatim/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **EMPAT SEKELUARGA MAKAN BIJIRIN UNTUK ISI PERUT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024204/empat-sekeluarga-makan-bijirin-untuk-isi-perut | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ceJ8gwAfC-U | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **BAU BUSUK BAWA PENEMUAN MAYAT WANITA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024230/bau-busuk-bawa-penemuan-mayat-wanita | MALAYSIAGAZETTE.COM |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA HILANG SEJAK RABU DITEMUI MATI DALAM KERETA DI SUNGAI BULOH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/wanita-hilang-sejak-rabu-ditemui-mati-dalam-kereta-di-sungai-buloh/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024345/mayat-wanita-ditemukan-dalam-kereta-berkunci | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1170038/mayat-wanita-dalam-kereta-di-sungai-buloh | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/27/mayat-wanita-arang-dibakar-ditemui-dalam-kereta/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **WANITA RUGI LEBIH SETENGAH JUTA DITIPU SINDIKET PELABURAN SAHAM** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/wanita-rugi-lebih-setengah-juta-ditipu-sindiket-pelaburan-saham/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/wanita-warga-emas-rugi-lebih-setengah-juta-ditipu-sindiket-pelaburan-saham/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **LELAKI WARGA EMAS TULAR PANDU LAWAN ARUS DITAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631793/berita/semasa/lelaki-warga-emas-tular-pandu-lawan-arus-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/27/warga-emas-ditahan-pandu-lawan-arus/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/tular-memandu-melawan-arus-warga-emas-ditahan/ | BULETINTV3.MY |

28/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **HANTAR MESEJ DALAM KUMPULAN ELAK ANAK TERTINGGAL DALAM KERETA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/hantar-mesej-dalam-kumpulan-elak-anak-tertinggal-dalam-kereta/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **WARGA EMAS MENANGIS KETAKUTAN KETIKA BANJIR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-menangis-ketakutan-ketika-banjir/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **SUAMI ISTERI JUAL BAYI, TUTUP MALU LAHIRKAN ANAK LEPAS SEBULAN KAHWIN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/suami-isteri-jual-bayi-tutup-malu-lahirkan-anak-lepas-sebulan-kahwin/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WANITA TERKEJUT TANAH KELUARGA DITUKAR MILIK TANPA PENGETAHUAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/27/wanita-terkejut-tanah-keluarga-ditukar-milik-tanpa-pengetahuan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **WARGA EMAS MAUT LANGGAR BELAKANG LORI ROSAK TEPI JALAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/27/warga-emas-maut-langgar-belakang-lori-rosak-tepi-jalan/ | KOSMO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'KAMI MENANGIS BILA DIA SEBUT JENAZAH IBU' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

### Tragedi 6 sekeluarga maut nahas

# 'Kami menangis bila dia sebut jenazah ibu'

## Bapa saudara lega rahsia disimpan diketahui sendiri mangsa nahas

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my



*Abdullah mengesat air mata sebaik melihat gambar jenazah ibunya.*
(Foto Alias Abd Rani/BH)

**Muar:** "Terlerai sudah segala rahsia yang kami simpan selama ini selepas dia (Abdullah) sudah tahu ibu, abi dan adik beradik lain sudah tiada," demikian kata Mohd Hairul Noor Muhammad, 54, susulan anak saudaranya, Abdullah Amir Ruddin, 15, mendapat tahu pemergian keluarganya dalam kemalangan 1 September lalu.

Mohd Hairul yang sebelum ini pernah memberi kiasan kepada Abdullah, termasuk menyebut nama arwah datuknya, Noor Muhammad Kassim, namun remaja itu seolah-olah tidak mengerti apa yang cuba disampaikannya.

"Selama ini, saya terfikir-fikir apa yang perlu lakukan untuk memberitahu perkara sebenar. Setiap malam sebelum tidur, saya cuba bagaimana nak cerita perkara sebenar.

"Tiba-tiba malam kelmarin, dia buka mulut mengatakan ibu dan abi sudah tiada. Dia berbual dengan emak saya (Norliah Md Noh) dan emak menitiskan air mata bila diberitahu mengenai perkara itu.

"Sekarang hati saya lapang, apa yang cuba saya beritahu akhirnya dia ketahui sendiri. Walaupun dalam keadaan semakin pulih, dia seolah-olah masih belum mengerti apa sebenarnya berlaku," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Parit Lapis, Parit Jawa, semalam.



Tak terfikir hilang 6 ahli keluarga serentak

*Keratan BH Ahad 3 September lalu.*

Dalam pada itu, keluarga Mohd Hairul menunjukkan gambar arwah ibu, abi dan adik beradik lain kepada Abdullah ketika mereka sedang makan malam kelmarin.

### Suasana hiba

Gambar itu dalam simpanan telefon bimbit ibu saudaranya, Nora Hila, 40, sebelum mereka sepakat untuk menunjukkan kepadanya.

Namun, keadaan bertukar pilu apabila Abdullah yang kelihatan ketawa tiba-tiba tersentak apabila abangnya, Abdur Rahman, 19, menunjukkan gambar jenazah mereka.

Suasana di rumah mereka hiba apabila masing-masing menitiskan air mata sementara Abdur Rahman dilihat cuba membantu mengesat air mata adiknya.

"Malam tadi (kelmarin), kami sepakat untuk menunjukkan gambar, dia pun berkata 'itu jenazah ibu, ibu sudah tiada'. Patutlah lama dia tak datang jumpa Abdullah.

"Kami satu rumah menangis bila dia sebut 'jenazah ibu'. Walaupun dia ketawa tetapi air mata mengalir.

"Sebenarnya dari awal kami sengaja tidak mahu menceritakan perkara sebenarnya kerana kelak dia akan faham serta mengetahui perkara sebenar.

"Setiap kali pergi ziarah kubur keluarga Allahyarham, saya meluahkan apa yang perlu saya lakukan supaya Abdullah tahu yang ahli keluarganya sudah tiada," katanya.

Tragedi memilukan itu meragut nyawa pasangan suami isteri Amir Ruddin Ismail, 46, dan Noorahimah Noor Muhamad, 43. Empat lagi anak pasangan itu, Fatimatulzahrah, 17, Seri Khadijah Aqilah, 13, Rufaidatul Asyariyah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5, turut terkorban.

Mereka sekeluarga dilaporkan dalam perjalanan dari Kluang ke Segamat untuk menghantar Noorahimah yang bertugas sebagai guru Sekolah Agama Kemedak.

Tujuh beranak itu menaiki Perodua Alza dan pada hari kejadian, hanya Abdur Rahman tidak ikut bersama kerana ada urusan lain.

Abdullah Amir Ruddin pula terselamat dalam nahas kira-kira jam 6.30 petang itu tetapi cedera parah dalam kejadian itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUIT PENCEN RM199,500 LESAP DIPERDAYA 'PHONE SCAM' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Duit pencen RM199,500 lesap diperdaya 'phone scam'

**Kuantan:** Seorang pesara guru wanita berusia 61 tahun hilang wang simpanan termasuk hasil persaraan RM199,500 selepas terpedaya sindiket *phone scam* yang menyamar sebagai pegawai polis dan pekerja syarikat penghantaran barang.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata mangsa dari Temerloh menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pekerja penghantaran barang pada 1 September lalu.

Suspek memaklumkan mangsa dikatakan terbabit dalam penghantaran barang terlarang.

"Suspek kemudian menyambungkan panggilan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis dan dikatakan bahawa dana mangsa sudah disita dan disalurkan kepada Pegawai Penyiasat Bank Negara.

"Mangsa memindahkan wang ke dalam akaun 'Pegawai Penyiasat Bank Negara' yang diberikan dengan melakukan pemindahan sebanyak lapan kali kepada enam akaun sehingga mengalami kerugian sebanyak RM199,500.

"Sumber kewangan mangsa adalah daripada wang simpanan dan duit pencen.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

"Orang ramai diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima dipautan https://semakmule.rmp. gov.myterlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KESEDARAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL PERLU DIPERLUAS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kesedaran antigangguan seksual perlu diperluas

Arwiza Abidin,
Putrajaya

**Isu** gangguan seksual bukan lagi hal baharu sebaliknya ia sudah diperkatakan sejak sekian lama. Bagaimanapun jika sebelum ini ia banyak membabitkan wanita, namun kebelakangan ini hal sedemikian turut membabitkan lelaki.

Ia boleh dilihat berdasarkan rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mendapati sebanyak 506 kes gangguan seksual dilaporkan tahun lalu ia turut membabitkan mangsa lelaki.

Hal ini menjelaskan mangsa walau apapun gender adalah sangat 'rapuh'. Adakala sesetengah mereka tidak mampu untuk tampil membuat laporan atas pelbagai faktor. Malah, angka 506 yang dilaporkan KPWKM mungkin adalah kecil jika mengambil kira jumlah tidak direkodkan apatah lagi membabitkan lelaki.

Jika mangsa wanita enggan tampil melaporkan gangguan seksual yang dihadapi atas faktor malu dan takut apatah lagi jika si pelaku adalah ketua mereka atau seseorang yang dihormati, hal serupa mungkin membelenggu mangsa lelaki.

Apatah lagi imej lelaki dalam kalangan masyarakat Asia terutamanya sering dikaitkan dengan kejantanan, kewibawaan hinggakan jika mereka menangis ia dilihat sangat lemah sekali gus menghancurkan imej maskulin.

Bagaimana gangguan seksual terjadi? Umumnya ia disebabkan tanggapan oleh si pelaku bahawa mangsa atau bakal mangsa adalah lemah. Jenis gangguan juga pelbagai. Laman web KPWKM menjelaskan gangguan seksual itu adalah sebarang bentuk perhatian seksual baik yang diucapkan atau perbuatan bersifat sedemikian yang disengajakan atau dibuat secara berulang-ulang. Tindakan itu membawa kepada gangguan kepada mangsa dari segi emosi, psikologi atau fizikal, yang tidak diundang atau tidak disenangi.

## Cetus rasa kurang selesa mangsa

Antara yang umum adalah gangguan secara lisan selain visual dan psikologi. Pada tahap yang lebih serius ia dibuat secara fizikal dengan jarak antara pelaku dan mangsa yang terlalu rapat sehingga menjurus kepada rasa kurang selesa.

Adakala dalam perbualan, gangguan lisan boleh terjadi misalnya apabila si pelaku mula bertutur sesuatu yang berunsur seksual termasuk berjenaka atau usikan bunyi.

Ada juga mangsa berhadapan dengan gangguan dalam bentuk visual misalnya menerima mesej berbaur seksual menerusi e-mel atau aplikasi komunikasi yang lain. Selain itu, mangsa turut diganggu secara psikologi iaitu menjurus kepada segala bentuk perbuatan yang cuba mempengaruhi, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk bagi memenuhi keinginan seksual.

Justeru, dalam menangani permasalahan ini, gerak kerja advokasi amat penting. Misalnya, KPWKM dilihat sangat giat dalam usaha memperluaskan program mengenai gangguan seksual khususnya selepas Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual diluluskan di Dewan Rakyat.

Langkah advokasi ini dianggap penting dalam memberi kesedaran supaya masyarakat mula mengenali apa yang dimaksudkan dengan antigangguan seksual. Gerak kerja ini bagaimanapun tidak seharusnya dibuat oleh kumpulan masyarakat umum sahaja. Ia sepatutnya digerakkan juga oleh organisasi besar, konglomerat dan semua pihak. Hal ini tentu kerana kebanyakan gangguan seksual berlaku di pejabat.

Justeru, sama ada anda lelaki atau wanita, gangguan seksual bukan isu kecil. Anda perlu tahu apa yang boleh dan tidak serta tidak perlu takut mengatasi gangguan seksual.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMANDU PROTON WIRA DITAHAN NAHAS BABIT 3 MAUT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemandu Proton Wira ditahan nahas babit 3 maut

**Hulu Selangor:** Polis menahan pemandu Proton Wira yang terbabit dalam nahas tiga kenderaan Rabu lalu sehingga menyebabkan dua lelaki warga emas dan seorang wanita maut di Kilometer 38 Jalan Kuala Lumpur-Ipoh, berdekatan Serendah Golf Resort, di sini.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim, berkata lelaki warga tempatan berusia 61 tahun itu ditahan pada jam 11.30 malam hari yang sama di Ulu Yam Bharu.

"Semakan polis mendapati suspek mempunyai enam rekod lampau membabitkan kes dadah dan jenayah.

"Walaupun terbabit dalam kemalangan, lelaki itu tidak cedera," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ahmad Faizal berkata, suspek direman selama empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Faizal berkata, penumpang kenderaan pelbagai guna (MPV) yang cedera pada mata masih berada di Hospital Selayang.

"Mangsa dilaporkan masih menerima rawatan dan keadaannya stabil," katanya.

Beliau berkata, mangsa dalam nahas itu ialah pasangan suami isteri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS KENA DAKWA PUKUL IBU MENTUA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis kena dakwa pukul ibu mentua

**Kuala Lumpur:** Seorang anggota polis berpangkat sarjan didakwa di Mahkamah Majistret semalam kerana memukul ibu mentuanya berusia 63 tahun, empat bulan lalu.

Bagaimanapun, P Hemaath Kumar, 35, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemuka di hadapan Majistret Atiqah Mohamed @ Mohamad Saim.

Mengikut pertuduhan, anggota polis itu didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap wanita itu dengan memukul menggunakan tangan di sebuah rumah di Bandar Baru Sri Petaling di sini, jam 9.20 malam, 25 Jun lalu.

Pendakwaan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman penjara maksimum setahun atau denda hingga RM2,000 atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nadiela Eleena Jamaluddin Akbal, mencadangkan jaminan RM4,000 terhadap tertuduh, namun peguam bela Hemaath Kumar, Vinod Sharma, memohon jaminan minimum.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS MENANGIS TAKUT DIUSUNG REDAH ARUS KETIKA BANJIR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas menangis takut diusung redah arus ketika banjir

## Badariah bimbang terjatuh ketika dibawa anggota APM pada paras air cecah satu meter

Oleh Noorazura Abdul Rahman dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Baling:** Seorang wanita warga emas menangis kerana terlalu takut ketika diusung keluar pasukan penyelamat dari rumahnya yang dinaiki banjir, sambil meredah arus deras di Kampung Baru, di sini malam kelmarin.


Badariah Ali Abdullah

Badariah Ali Abdullah, 84, berkata dia menangis kerana bimbang terjatuh ketika dibawa keluar anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), memandangkan arus terlalu deras dengan paras banjir juga tinggi mencecah satu meter.

"Saya tinggal bersama anak dan cucu, tetapi saya tidak dapat berjalan kerana masalah lutut... jadi mereka (APM) datang menyelamatkan saya menggunakan pengusung.

"Tak silap saya lapan anggota yang mengusung saya, manakala suami didukung beberapa anggota lain.

"Sambil menangis saya banyak istighfar dan berdoa semoga kami selamat. Alhamdulillah doa saya dimakbulkan," katanya yang kemudian dibawa ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Siong, di sini.

Badariah dan suami antara 159 mangsa yang dipindahkan ke tiga PPS susulan banjir yang melanda daerah ini, membabitkan 126 di SK Siong, 21 di SK Seri Bayu dan 12 lagi di SK Parit Panjang.

### Hujan lebat

Banjir dikatakan berpunca hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan air Sungai Ketil melimpah ke rumah penduduk di lebih 10 kampung di sekitar daerah ini.

Dalam pada itu, kira-kira 80 peserta perkhemahan unit beruniform di Tapak Perkhemahan Lubuk Badak di Ulu Legong, di sini terpaksa dipindahkan ke PPS sama selepas kawasan itu dilimpahi air malam kelmarin.


*Mohammad Azarul Azan Mohd Zahari, membersihkan rumah ibu saudaranya selepas dinaiki air malam kelmarin.*
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Mereka terdiri daripada ahli Tunas Kadet Remaja Sekolah, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pergerakan Puteri Islam Malaysia dan Pengakap yang tiba di tapak perkhemahan itu sejak tengah hari kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Baling, Leftenan (PA) Mohd Faizol Abd Aziz, berkata hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan tapak perkhemahan dinaiki air dan guru yang mengiringi mereka mengambil langkah awal menghubungi APM dan polis untuk diselamatkan.

Sementara itu, bilangan mangsa banjir petang semalam berkurangan apabila hanya 25 mangsa daripada 11 keluarga masih ditempatkan di PPS, berbanding 159 mangsa daripada 131 keluarga pada tengah hari.

Hanya dua PPS iaitu SK Siong dan SK Parit Panjang masih dibuka, manakala PPS di SK Seri Bayu kosong berikutan semua mangsa dibenarkan pulang.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'JANGAN LUPA BELI BELON' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


TANGKAP layar rakaman video menunjukkan Bahrom menghantar barangan keperluan ke rumah wanita yang suaminya ditahan.

# 'JANGAN LUPA BELI BELON'

***Pesanan kanak-kanak kepada ibunya yang ditahan polis tetapi disangka keluar bekerja***

Oleh Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pesanan seorang anak kecil yang menyangka ibunya ke tempat kerja amat menyentuh hati berikutan kanak-kanak itu tidak mengetahui ibunya ditahan polis atas kesalahan jenayah.

Anggota polis yang berkongsi kisah itu di TikTok, Koperal Bahrom Sahin, 32, berkata, kejadian bermula apabila pasukannya membuat rondaan di sekitar perkampungan di Jitra, Kedah sebelum melihat wanita itu dalam keadaan mencurigakan di depan rumahnya, minggu lalu.

Katanya, dia dan rakan setugas mahu menahan wanita itu selepas dikesan melakukan kesalahan narkotik atas desakan hidup demi menyara enam anak bersendirian.

"Ketika dibawa dalam kereta peronda polis, tingkap kenderaan dibuka bagi memberi peluang wanita ini bercakap dengan anaknya.

"Namun, apa yang membuatkan saya dan rakan tersentuh apabila anak perempuannya berusia lingkungan tiga tahun berpesan supaya ibunya berhati-hati ketika pergi bekerja dan tidak lupa membelikan belon apabila pulang kelak," katanya.

Bahrom yang bertugas di Bahagian Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jitra berkata, keletah anak wanita itu mengingatkannya kepada anaknya di rumah yang sering memberi pesanan sama.

"Saya tersentak dan menahan sebak apabila mendengar ucapan anak kecil itu. Ayat sama selalu bermain di bibir anak saya di rumah apabila saya keluar kerja.


RAKAN pasukan Bahrom, Muhammad Iqbal membelikan barangan keperluan untuk keluarga suspek kesalahan narkotik.



> *Saya mahu ubah persepsi orang ramai yang suka melabel polis ini dengan pandangan negatif"*
>
> **Bahrom**

"Saya dan rakan setugas berbincang sebelum kami melepaskan wanita itu dengan bersyarat. Dia dipantau supaya tidak mengulangi lagi perbuatan sama.

"Wanita itu menangis dan berterima kasih sebelum kami menyerahkan sedikit duit dan cekodok pisang kerana dia beritahu hanya memasak mi segera ayam berlaukkan kicap untuk diberi makan anaknya," katanya wanita itu kini menjemur ikan sebagai mata pencarian.

Bahrom turut berkongsi kisah dia dan rakannya, konstabel Muhammad Iqbal Haikal Mohamad Tarmizi membantu keluarga seorang lelaki yang ditahan atas kesalahan narkotik.

"Saya dan rakan-rakan membuat kutipan sebelum membelikan barangan keperluan asas untuk keluarga lelaki itu. Ini kerana lelaki itu mempunyai anak ramai dan isterinya sedang hamil. Dia turut bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Suspek tiada pendapatan tetap dan terpaksa buat kerja haram untuk kelangsungan hidup.

"Salah tetap salah, jadi kami tahan lelaki itu untuk tindakan lanjut. Namun jika keluarganya memerlukan bantuan, insya-Allah kami bantu semampu yang boleh," katanya.

Katanya, dia gemar berkongsi kisah masyarakat sepanjang bertugas untuk dijadikan teladan kepada pengikutnya di TikTok.

"Secara tak langsung dengan perkongsian itu, dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutama cakna dengan keadaan jiran sekeliling serta jangan melabel orang dengan hanya melihat kesalahan dilakukan.

"Saya mahu ubah persepsi orang ramai yang suka melabel polis ini dengan pandangan negatif sedangkan kami juga manusia, ada hati dan perasaan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CIKGU BAHASA ARAB MOHON DIBICARA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

### NAFI DUA TUDUHAN MELAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL KE ATAS ANAK MURID

# CIKGU BAHASA ARAB MOHON DIBICARA

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

Guru Bahasa Arab dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak yang juga murid lelakinya, Jun lalu.

Tertuduh, Abdul Halim Ismail, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon perbicaraan sebaik kedua-dua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Hilmiah Yusof.

Berdasarkan pertuduhan pertama, lelaki yang berkhidmat di sekolah kerajaan itu didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di bilik 1-2, Rumah Peranginan Persekutuan, Pulau Pangkor di daerah Manjung antara 10 hingga 11 malam 28 Jun lalu.

Berdasarkan pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa juga melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak yang sama di bilik 19 Nipah Bay Villa, Pulau Pangkor, di Manjung antara 10 malam hingga 12 tengah malam 30 Jun lalu.

Kedua-dua pertuduhan itu dibaca mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) yang boleh dihukum mengikut Seksyen yang sama, dibaca bersama Seksyen 27 Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan.

Sementara, Seksyen 27 Akta 792 memperuntukkan bahawa seseorang yang disabitkan bersalah atas mana-mana kesalahan di bawah Akta itu maka dia hendaklah diletakkan di bawah pengawasan polis minimum setahun namun tidak melebihi tiga tahun bermula sebaik selepas tempoh hukuman yang dijatuhkan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Amira Nabihan Shahrir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Amira Nabihan pada mula memohon mahkamah tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh serta meminta tarikh sebutan kes untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.

Namun, ketika mitigasi, tertuduh membuat rayuan sendiri supaya jaminan ditawarkan pada kadar minimum dengan meminta mahkamah mengambil kira jumlah pendapatannya RM4,000 sebulan.

Malah, tertuduh turut menanggung bapanya yang sedang sakit di kampung selain turut membantu adik-beradiknya yang bekerja kampung.

Pendakwaan kemudiannya meminta mahkamah mengenakan syarat tambahan sekiranya tertuduh dibenarkan untuk diikat jamin iaitu tidak dibenarkan mendekati serta mengganggu mangsa dalam tempoh jaminan sehingga kes selesai.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM6,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan syarat tambahan seperti mana yang dimohon oleh pihak pendakwaan itu.

***Tarikh sebutan semula kes ditetapkan 5 Disember depan.***



ABDUL Halim mengaku tidak bersalah dan memohon perbicaraan sebaik kedua-dua pertuduhan dibacakan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUIT PENCEN RM86K 'LICIN' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# DUIT PENCEN RM86K 'LICIN'

***Lelaki gigit jari selepas diperdaya ejen 'syarikat koperasi'***

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil dan Suharmin Yusof
am@harianmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Impian seorang pesara memiliki rumah idaman musnah, malah wang persaraannya berjumlah RM86,000 lebur selepas ditipu syarikat 'koperasi.'

Difahamkan syarikat yang berpangkalan di Sarawak itu itu giat mencari mangsa di seluruh negara sejak 2019 sehingga ke hari ini membabitkan kerugian mencecah RM20 juta.

Mangsa, Senin Untung, 62, berkata, dia tertarik dengan promosi ditawarkan seorang ejen syarikat berkenaan yang menjanjikan sebuah kediaman yang dapat disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

"Saya gunakan wang persaraan untuk membina rumah di atas tanah milik sendiri. Ejen yang memiliki pejabat di Serdang itu berjanji projek akan disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

"Pada peringkat awal dia (ejen) datang untuk mengukur keluasan tanah dan meminta saya membuat pembayaran sebanyak RM86,000.

"Selepas tiga bulan menanti, tiada langsung perkembangan yang berlaku di tanah milik saya," katanya ketika ditemui semasa menyerahkan memorandum di pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Bukit Aman di Menara KPJ di sini, semalam.

> "Selepas tiga bulan menanti, tiada langsung perkembangan yang berlaku
> Senin

Sementara itu Setiausaha Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim berkata, setakat ini pihaknya menerima hampir 90 aduan daripada individu yang menjadi mangsa syarikat itu.

"Syarikat itu didalangi sekumpulan manusia yang bertopengkan koperasi dan syarikat berhad untuk menipu.

"Sindiket itu menawarkan beberapa pakej antaranya pakej pelaburan bagi individu yang mempunyai tanah sendiri dan pakej berbeza untuk mereka yang tidak memiliki tanah," katanya.

Menurutnya, rata-rata pemilik tanah diminta membuat pembayaran awal sehingga RM100,000 dan dijanjikan sebuah kediaman dalam tempoh beberapa bulan.

"Syarikat berkenaan akan memulakan kerja pembinaan di tanah berkenaan namun lesap selepas bayaran diterima daripada mangsa.

"Individu yang tidak memiliki tanah pula, mereka ditawarkan pakej pelaburan yang akhirnya menjanjikan sebuah rumah tetapi tidak diberitahu di mana lokasinya," katanya.

Justeru, MHO memohon pihak polis khususnya JSJK memberi perhatian kepada isu ini berikutan sudah banyak mangsa yang tampil.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU DIBEBAS DENGAN JAMINAN | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



SUSPEK dibebaskan berikutan tempoh reman ke atasnya berakhir semalam.

## DISYAKI ROGOL ANAK MURID

# Guru dibebas dengan jaminan

**Tawau:** Guru sebuah sekolah menengah di sini, yang ditahan polis kerana disyaki merogol pelajarnya 18 Oktober lalu dibebaskan dengan jaminan polis.

Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, suspek berumur 36 tahun itu dibebaskan berikutan tempoh reman ke atasnya berakhir semalam.

"Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan diserahkan kepada timbalan pendakwa raya untuk arahan selanjutnya," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, suspek ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 377(C) Kanun yang sama.

Pada 19 Oktober lalu, suspek ditahan sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau di kawasan siar kaki (kaki lima) berhampiran sebuah premis di Kompleks Fajar, dekat sini, jam 9.58 malam susulan laporan dibuat oleh mangsa yang mendakwa telah dirogol oleh suspek.

Mangsa anak sulung daripada enam adik beradik itu yang juga pelajar Tingkatan Empat, mendakwa dirogol di dalam bilik rumah guru terbabit di Jalan Apas dekat sini antara jam 2.30 hingga 4.45 petang.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAFI 'SONGLAP' EMAS MAJIKAN | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



NOR Adila diiring anggota polis tiba di Mahkamah Majistret Ampang, semalam.

### JURUJUAL UBAH SUAI RESIT PEMBELIAN PELANGGAN

# NAFI 'SONGLAP' EMAS MAJIKAN

Oleh Faris Fuad
am@hmetro.com.my

**Ampang**

Seorang jurujual didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencuri barang kemas di tempat kerjanya dengan mengubah suai empat resit pembelian pelanggan.

Bagaimanapun, Nor Adila Che Sharif, 31, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Majistret Amalina Basirah Md Top.

Mengikut pertuduhan, Nor Adila sebagai jurujual emas didakwa berbuat demikian, selain mengambil barang kemas milik majikan untuk dijual bagi kegunaan peribadi.

Kesalahan didakwa dilakukan di Kedai Emas Syarikat Zakaria & Sons Precious Metals (M) Sdn Bhd di Hulu Langat, antara 20 September hingga 21 Oktober lalu, mengikut Seksyen 381 yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Norhidayah Abdullah Sani, mencadangkan jaminan RM8,000 ke atas tertuduh.

Bagaimanapun, peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) mewakili tertuduh, M Mariappan memohon jaminan rendah atas alasan anak guam menanggung ibu bapa uzur selain berpendapatan RM1,800 sebulan.

**Majistret membenarkan jaminan RM3,500 terhadap tertuduh**

Majistret kemudian membenarkan jaminan RM3,500 terhadap tertuduh dengan seorang penjamin dan menetapkan 5 Disember ini untuk sebutan semula kes.

Media melaporkan seorang jurujual wanita ditahan Isnin lalu, selepas disyaki terbabit kes pecah amanah dengan memalsukan invois dan mencuri barang kemas di tempat kerjanya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata pengurus premis berkenaan membuat laporan selepas mendapati suspek yang diamanahkan untuk menjual emas menyebabkan kerugian berjumlah RM12,838.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAFI PUKUL IBU MENTUA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

### SARJAN MENGAKU TIDAK BERSALAH

# NAFI PUKUL IBU MENTUA

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mendatangkan kecederaan terhadap ibu mentuanya dengan memukul warga emas itu, Jun lalu.

Lelaki itu, P Hemaath Kumar, 35, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap wanita berusia 63 tahun itu dengan cara memukul menggunakan tangan di sebuah rumah di Bandar Baru Sri Petaling pada 9.20 malam, 25 Jun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen dan kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nadiela Eleena Jamaluddin Akbal menawarkan jaminan RM4,000 terhadap tertuduh manakala dalam rayuannya peguam Vinod Sharma yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah dikenakan ke atas tertuduh.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Majistret Atiqah Mohamed @ Mohamad Saim membenarkan tertuduh diikat jamin RM800 dengan seorang penjamin dan menetapkan 20 November untuk sebutan kes.

Difahamkan, tertuduh sebelum ini pernah didakwa atas kesalahan memukul isterinya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SATU JAM BERAIR MATA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# SATU JAM BERAIR MATA

*Ibu kanak-kanak lima tahun minta bantuan bomba keluar kepala zip beg sekolah tersangkut dalam hidung anak*

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

**Klang**

Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun menahan kesakitan satu jam selepas kepala zip beg sekolah tersangkut di dalam hidungnya dalam kejadian di sekitar daerah ini, kelmarin.

Kejadian terbabit disedari ibunya yang berusia 37 tahun, jam 6.30 petang, selepas pulang dari kerja dan membawanya ke klinik swasta sebelum menghubungi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kapar.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan khidmat khas bagi mengeluarkan kepala zip itu, jam 7.32 malam.

"Ibu mangsa membawanya ke BBP Kapar dan kami dapati, kepala zip beg sekolah tersangkut dalam hidung kanak-kanak itu.

"Kami ambil masa enam minit untuk mengeluarkan kepala zip itu," katanya, semalam.

Pihaknya difahamkan, kepala zip berada dalam hidung kanak-kanak itu, sejak jam 6 petang.

"Ibu mangsa memaklumkan kejadian dipercayai berlaku selepas anaknya bermain dengan beg sekolah sebelum zip itu tersangkut di dalam hidung," katanya.

Katanya, kanak-kanak itu tidak cedera dan diserahkan kepada ibunya.



ANGGOTA bomba menunjukkan kepala zip yang dikeluarkan daripada hidung mangsa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SATU RUMAH MENANGIS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SATU RUMAH MENANGIS

## *Terlerai rahsia selepas anak saudara dimaklum ibu bapa, adik beradik lain maut nahas*

**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Terlerai sudah segala rahsia yang kami simpan selama ini selepas dia (Abdullah) sudah tahu ibu, abi dan adik beradik lain sudah tiada," demikian kata Mohd Hairul Noor Muhammad, 54, susulan anak saudaranya, Abdullah Amir Ruddin, 15, mendapat tahu pemergian keluarganya dalam kemalangan 1 September lalu.

Mohd Hairul yang sebelum ini pernah memberi kiasan kepada Abdullah termasuk menyebut nama arwah datuknya, Noor Muhammad Kassim namun remaja itu seolah-olah tidak mengerti apa yang cuba disampaikannya.

"Selama ini, saya terfikir-fikir apa yang perlu lakukan untuk memberitahu perkara sebenar. Setiap malam sebelum tidur, saya cuba bagaimana nak cerita perkara sebenar.

"Tiba-tiba malam kelmarin, dia buka mulut mengatakan ibu dan abi sudah tiada. Dia berbual dengan emak saya (Norliah Md Noh) dan emak menitis air mata bila diberitahu mengenai perkara itu.

"Sekarang hati saya lapang, apa yang cuba saya beritahu akhirnya dia ketahui sendiri. Walaupun dalam keadaan semakin pulih, namun dia seolah-olah masih belum mengerti apa sebenarnya berlaku," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Parit Lapis, Parit Jawa, hari ini.

Dalam pada itu, keluarga Mohd Hairul menunjukkan gambar arwah ibu, abi dan adik beradik lain kepada Abdullah ketika mereka sedang makan malam kelmarin.

Gambar itu dalam simpanan telefon bimbit ibu saudaranya, Nora Hila, 40, sebelum mereka sepakat menunjukkan kepadanya.



ABDULLAH mengesat air mata selepas melihat gambar jenazah ibunya. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Namun, keadaan bertukar pilu apabila Abdullah yang kelihatan ketawa tiba-tiba tersentak apabila abangnya, Abdur Rahman, 19, menunjukkan gambar jenazah mereka.

Suasana di rumah mereka hiba apabila masing-masing menitiskan air mata sementara Abdur Rahman cuba membantu mengesat air mata adiknya.

"Malam tadi (kelmarin), kami sepakat untuk menunjukkan gambar, dia pun berkata 'itu jenazah ibu, ibu sudah tiada'. Patutlah lama dia tak datang jumpa Abdullah.

"Kami satu rumah menangis bila dia sebut 'jenazah ibu'. Walaupun dia ketawa tetapi air mata mengalir.

"Sebenarnya dari awal kami sengaja tidak mahu menceritakan perkara sebenarnya kerana kelak dia akan faham serta mengetahui perkara sebenar.

"Setiap kali pergi ziarah kubur keluarga Allahyarham, saya meluahkan apa yang perlu saya lakukan supaya Abdullah tahu yang ahli keluarganya sudah tiada," katanya.

Tragedi memilukan itu meragut nyawa pasangan suami isteri Amir Ruddin Ismail, 46, dan Noorahimah Noor Muhamad, 43. Empat lagi anak pasangan itu, Fatimatulzahrah, 17, Seri Khadijah Aqilah, 13, Rufaidatul Asyariyah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5, turut terkorban.

Mereka sekeluarga dalam perjalanan dari Kluang ke Segamat untuk menghantar Noorahimah yang bertugas sebagai guru Sekolah Agama Kemedak.

Tujuh beranak itu menaiki Perodua Alza dan pada hari kejadian, hanya Abdur Rahman tidak ikut bersama kerana ada urusan lain.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS RENTUNG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# *Warga emas rentung*

**Mukah:** Seorang lelaki warga emas rentung selepas terperangkap dalam rumahnya yang terbakar di Kampung Halud Matu di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian itu, mayat Merais Arus, 68, ditemukan berdekatan pintu utama rumah yang musnah itu sebaik api berjaya dikawal.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Daro, Pegawai Bomba Kanan (PBK) ll Sufian Yusuf berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu jam 2.51 pagi dan menggerakkan lima anggota bersama sebuah jentera Fire Rescue Tander (FRT) ke lokasi kejadian.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah struktur tidak kekal yang terbakar keseluruhan.

"Rumah terbabit didiami lima sekeluarga. Empat mangsa berjaya keluar menyelamatkan diri selepas menyedari kebakaran manakala seorang ditemukan rentung," katanya dalam kenyataan semalam.

Bagaimanapun, katanya, seorang mangsa ditemukan rentung.

Katanya, kerja pemadaman selesai sepenuhnya jam 5.10 pagi dan mayat mangsa diserahkan kepada polis untuk tindakan seterusnya.

Punca kebakaran dan kerugian masih dalam siasatan.



MAYAT warga emas yang rentung ditemui di pintu utama rumahnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOY, 7, DIES, INFANT HURT IN CRASH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

FIVE OTHERS UNHURT

# BOY, 7, DIES, INFANT HURT IN CRASH

Their mother lost control of car and crashed into guard rail on Central Spine Road

AMIR HAMZAH NORDIN
**LIPIS**
news@nst.com.my

A 7-YEAR-OLD boy died and a 6-month-old infant sustained serious injuries in an accident at KM57 along Jalan Lipis to Merapoh, on the Central Spine Road here on Thursday evening.

The boy died at 12.05am while receiving treatment at Hospital Lipis.

Lipis district police chief Superintendent Azli Mohd Noor said initial investigations revealed that the car was driven by the 32-year-old mother of the young victim. She lost control of the vehicle and ended up hitting the guard rail on the left side of the road at 6pm.

"Those in the car were the driver's 60-year-old father, her 23-year-old younger sibling and four children aged between 6 months and 7 years. They were heading for Kuala Lumpur from Pasir Puteh, Kelantan.

"The boy was rushed to the Merapoh health clinic and thereafter sent to Hospital Merapoh for treatment," Azli said in a statment yesterday.

"The baby suffered serious injuries. The driver, her father, younger sibling, and two other children escaped unhurt.



*Mangled metal is all that remains of a crash on the Central Spine Road on Thursday.* PIC COURTESY OF POLICE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOUSEWIFE LOSES RM540,000 IN STOCK INVESTMENT SCAM | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Housewife loses RM540,000 in stock investment scam

**SIBU:** A housewife, in her late 60s from Sarikei, has lost about RM540,000 to an online investment scam.

State police commissioner Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri said on Oct 2, the woman came across an advertisement on Facebook and contacted the suspect 'Koon Yew Yin' through WhatsApp.

"The victim was interested in learning about shares and then clicked on a link https://Lfmstock.com provided by the suspect to invest in stocks," he said in a statement.

Mohd Azman said the suspect offered himself as an agent to help the victim purchase shares on the stock exchange for Syarikat Minox International Group Bhd and Syarikat SSF Home Group Bhd.

He said the victim was promised a lucrative return of 50 to 100 per cent within a short period.

"The victim then made 11 money transfers of approximately RM540,000 to three different bank accounts given to her, starting from the beginning of October 2023 until the middle of October 2023," he said.

Mohd Azman said the victim only realised she had been duped when the suspect asked for additional payments although she had yet to receive any returns on her investment.

She then lodged a police report on Oct 26 at the Sarikei station.

Mohd Azman advised the public to only invest with legitimate platforms and companies registered with Bank Negara Malaysia and the Securities Commission of Malaysia.

He said the public should only get financial advice from registered agents.

"Never press a link or download an Android Package Kit (APK) that is unknown," he stressed.

Additionally, he also reminded the public not to trust purported investments offering huge profits in a short period of time.

"Do not put your money into a bank account that has no relation to the investment you made," he added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RETIRED TEACHER LOSES ENTIRE SAVINGS TO SCAMMERS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

PARCEL SCAM

# Retired teacher loses entire savings to scammers

**KUANTAN:** It took just one phone call for a retired teacher to lose RM199,500 of her savings.

The 61-year-old woman from Temerloh was tricked by scammers posing as a courier company employee and a policeman on Sept 1.

Pahang police chief Datuk Seri Yahaya Othman said the woman received a phone call from an unknown individual, who introduced himself as a courier company employee.

"The caller informed the victim that a parcel in her name contained prohibited items. The call was immediately transferred to another individual who impersonated a policeman.

"The policeman told the victim that the authorities would freeze her bank accounts for investigation.

"She was instructed to transfer all her savings into an account allegedly belonging to Bank Negara Malaysia's investigating unit," he said in a statement.

Yahaya said the victim immediately made eight transfers amounting to RM199,500 to six different bank accounts.

He said the money represented all her savings.

He said the victim lodged a police report on Thursday.

Yahaya reminded people who receive calls from unknown individuals to visit https://semakmule.rmp.gov.my/ before making any online transactions.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SENIOR CITIZEN BURNT TO DEATH IN HOUSE FIRE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

WATER TAKEN FROM DRAIN

# Senior citizen burnt to death in house fire

**SIBU:** A senior citizen was found burnt to death in a fire which destroyed a house in Kampung Halud, Matu, about 115 kilometres from here, early yesterday morning.

Four other occupants of the house managed to escape.

Sibu Zone Fire and Rescue Department chief Senior Fire Superintendent I Andy Allie identified the deceased as Merais Aris, 68, and the four who escaped as his children and grandchildren.

"Merais, a labourer, was believed to have failed to leave the burning house in time.

Firefighters found his body in front of a door at 5.05am and the remains were handed over to the police for further action."

He said residents noticed the fire about 2.15am and alerted the Fire and Rescue Department at 2.51am. A team from the Daro Fire and Rescue station were despatched to the scene.

"The operation to extinguish the fire was completed at 4.45am.

"The operation relied on water pumped from a nearby drain as the fire hydrant in the area had no water," he added. **Bernama**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ELDERLY MAN KILLED IN PREDAWN FIRE IN MATU | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



A Bomba photo shows the fire at its height.

# Elderly man killed in predawn fire in Matu

**SIBU:** A predawn fire yesterday in Kampung Halud, Matu left a senior citizen dead, while four others managed to escape unhurt.

In a statement, the Fire and Rescue Department (Bomba) said it was notified about the incident at 2.51am.

A team of firefighters from the Daro station was sent to the scene.

Operations commander Sufian Yusuf said the house had five residents.

"The 68-year-old man was found in front of the main door of the burnt house.

"The victim failed to escape in time and was caught in the deadly fire, while the other four managed to escape," he said.

Firefighters were able to bring the fire under control at 5.10am.

Bomba added police later transported the body to hospital for further action.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SPECIAL TEAM TO PROBE WOMAN'S DEATH AT ENTERTAINMENT OUTLET | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Special team to probe woman's death at entertainment outlet

**Jeremy Veno**

**KUCHING:** Police here have formed a special team to thoroughly investigate the death of a 22-year-old woman at an entertainment outlet here in the wee hours of Oct 16.

In a statement yesterday, Kuching police chief ACP Ahsmon Bajah said they are investigating the case in detail from every possible aspect.

"Investigations are currently ongoing and we will refer the case to the Attorney General of Malaysia Sarawak to propose an inquest once the investigation is completed," said Ahsmon.

He added that the public should refrain from speculating on the case as this could disrupt the ongoing investigation.

Any information can be channelled to investigating officer ASP Joshua Masing on 017-9542048 or by calling the district police on 082-244 444.

Information can also be provided at the nearest police station.

The woman, who was a student at a private university here, was found unconscious by a worker of the entertainment outlet around 3.30am.

She was later brought to the Sarawak General Hospital, but was later pronounced dead.

A post-mortem was reported to have been carried out on Oct 17.

The case has since caught the attention of the Democratic Action Party (DAP) and the Malaysian United Democratic Alliance (Muda), which have called upon the police to conduct a thorough investigation.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ORANG ASLI FAMILIES FORCED OUT OF HOMES | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Orang Asli families forced out of homes

**GUA MUSANG:** Nine of the 15 Orang Asli families of the Temiar tribe in Kampung Bujuk, Pos Bihai, were forced to leave their homes due to elephant attacks, which not only damaged their homes but also their crops.

Asu Pandak, a 65-year-old resident of Kampung Bujuk, claimed that he and his family were staying at a relative's home in Kampung Tendrik, Pos Bihai, because wild elephants had damaged their bamboo house.

"The elephants intruded into our village at about 5am last Wednesday. We were sleeping and lucky to be awakened by the noise of the rampaging elephants, enabling us to save ourselves and flee to the nearby village.

"Prior to this, the elephants had also intruded into human habitat and damaged our crops such as bananas and cassava," he told reporters here yesterday, Bernama reported.

In addition to Kampung Bujuk, residents of Kampung Hak, another Orang Asli settlement at Pos Bihai, are also facing the threat of wild elephants.

One of the residents, Apek Asud, 39, said the latest incident happened on Thursday when the elephants damaged a house.

Luckily, the occupants managed to get out of the house and run for their lives, he added.

He said the intrusion by wild elephants and sightings of tigers were threatening the livelihood of the 52 residents in the two villages.

"How can we go out to earn a living? We just don't know who to turn to anymore. We appeal to the authorities concerned to please find a way to solve the problem.

"Don't let something untoward happen first, and then they all start to come and ask," he said.

Galas assemblyman Mohd Syahbuddin Hashim said the threat of elephants and tigers in the Orang Asli settlement was an ongoing problem.

As an immediate response, he would send food baskets to the affected families.

"The conflict between humans and wild animals seems to be getting worse, and I sympathise with the villagers," he said.

He urged the relevant authorities to take immediate action to help the villagers.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SCAMMED OUT OF RM540K | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Scammed out of RM540k

## Sarikei housewife falls victim to online investment scam

By ANDY CHUA
andychua@thestar.com.my

**SIBU:** A housewife in Sarikei has been cheated out of about RM540,000 in a non-existent online investment that promised high returns of up to 100%.

Sarawak Commissioner of Police Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri said the 60-year-old was attracted by an advertisement dated Oct 3 on her Facebook page.

She then contacted an individual by the name of "Koon Yew Yin" through WhatsApp.

"The victim's interest in learning about the investment led her to click on a link provided by the suspect.

"The woman was briefed on the investment scheme and the suspect offered to act as her agent in purchasing shares in two companies," said Mohd Azman yesterday.




The woman made 11 transactions amounting to about RM540,000 in stages, which were deposited in three different accounts between early and mid-October this year.

She only realised she had been cheated when the suspect requested additional payments, even though she had not received any returns on her investment.

Mohd Azman advised the public to make investments only on valid platforms registered with Bank Negara Malaysia and the Securities Commission Malaysia.

Separately, a retired teacher in Kuantan lost her entire savings totalling RM199,500 after she fell victim to a Macau scam syndicate.

Pahang police chief Datuk Seri Yahaya Othman said that on Sept 1, the 61-year-old woman received a phone call from an unknown individual who introduced himself as a courier company worker and told her that a parcel under her name contained prohibited items.

"The call was immediately transferred to another individual who impersonated a police officer, who told the victim that the authorities would freeze her bank accounts (for investigation purposes)," he said in a statement yesterday.

Yahaya said the woman was instructed to transfer all her savings into an account allegedly belonging to Bank Negara's investigation unit.

The woman claimed that she made eight money transfers amounting to RM199,500 into six different bank accounts.

She only realised she had been cheated after failing to contact the so-called police officer to inquire about the progress of the investigation into her account.

She lodged a report at the Temerloh district police headquarters on Thursday.

Yahaya reminded the public who receive calls from unknown individuals asking them to make online transactions to check with https://semakmule.rmp.gov.my/ — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SERGEANT CHARGED WITH SLAPPING MUM-IN-LAW | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Sergeant charged with slapping mum-in-law

**KUALA LUMPUR:** A police sergeant has been charged in court with slapping his mother-in-law.

P. Hemaath Kumar, 35, who is with the Sentul District Police Headquarters, pleaded not guilty to causing hurt to the 63-year-old woman at a house in Bandar Baru Sri Petaling here at 9.20pm on June 25.

The charge, under Section 323 of the Penal Code, provides a maximum jail term of one year or a maximum fine of RM2,000 or both, if convicted, Bernama reported.

Magistrate Atiqah Mohamed @ Mohamad Saim allowed the policeman bail of RM800 with one surety and set Nov 20 for mention.

Deputy public prosecutor Nadia Eleena Jamaluddin Akbal prosecuted, while Hemaath Kumar, who had been charged with committing a similar offence against his wife, was represented by lawyer Vinod Sharma.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CABUL NENEK BERUSIA 79 TAHUN, PEMUDA INDONESIA DIHUKUM PENJARA LAPAN BULAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Cabul nenek berusia 79 tahun, pemuda Indonesia dihukum penjara lapan bulan

**KUCHING:** Akibat mencabul nenek berusia 79 tahun, seorang pemuda Indonesia berumur 26 tahun dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Bian Adrianus Subianto yang berasal dari Kalimantan Barat, mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan, atau mana-mana daripada dua seksaan tersebut.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali memerintahkan hukuman penjara bagi Bian dikuatkuasakan mulai dari tarikh dia ditangkap, selain mengarahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Bian didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 5 petang pada 19 Oktober 2023, di sebuah rumah di Kampung Tabuan Lot di sini.

Berdasarkan fakta kes, cucu lelaki mangsa (pengadu) dimaklumkan teman wanitanya bahawa dia ternampak kenalan pengadu (Bian) berada di ruang tamu rumah dan sedang menindih badan nenek pengadu.

Bian juga dilaporkan meraba seluruh badan mangsa yang ketika itu sedang berada di atas katil.

Berikutan kejadian tersebut, pengadu membuat laporan untuk tindakan dan siasatan lanjut pihak polis.

Polis kemudiannya menangkap Bian pada hari sama, sekitar jam 8.40 malam.

Hasil siasatan mendapati Bian melakukan kekerasan jenayah dengan niat hendak mencabul nenek pengadu.

Bian tidak diwakili peguam sementara pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Ammarsoffi Yusoff.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH DI KAMPUNG HALUD, MATU | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 28 OKT 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**MARAK:** Keadaan kebakaran yang memusnahkan sebuah rumah di Kampung Halud, Matu pagi semalam.

# Warga emas rentung dalam kebakaran rumah di Kampung Halud, Matu

**MUKAH:** Seorang lelaki warga emas berusia 68 tahun rentung dalam kebakaran sebuah rumah sekitar jam 2 pagi semalam di Kampung Halud, Matu.

Menurut Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, mangsa yang dikenali sebagai Merais Arus dijumpai berdekatan pintu utama rumah.

"Rumah tersebut didiami lima penghuni," menurut laporan itu. Bagaimanapun, laporan terperinci mengenai empat lagi penghuni masih belum diketahui.

Mayat mangsa telah diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Kebakaran memusnahkan 100 peratus rumah yang berkeluasan 30 kali 40 kaki, katanya.

Pasukan bomba dan penyelamat menggunakan konsep RECEO bagi menyelamat, mengawal dan memadam kebakaran.

Pasukan pemadam bertindak membentangkan dua aliran 300 kaki dua nozel dengan teknik ofensif sumber air terbuka.

Kerja-kerja pemadaman selesai sepenuhnya pada jam 5.10 pagi.

Punca kebakaran dan kos kerugian masih dalam siasatan.